

Headline	TNB selesai proses pembiayaan semula		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	20
ArticleSize	178 cm ²	Journalist	Oleh NUR
PR Value	RM 10,554		



TNB selesai proses pembiayaan semula

Oleh **NUR HANANI AZMAN**

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 2 April - Tenaga Nasional Bhd. menerusi anak syarikat milik penuhnya, Tenaga Wind Ventures UK Ltd. telah selesai melakukan pelaksanaan proses pembiayaan semula bagi kemudahan pinjaman sebanyak 120 juta pound (RM651.2 juta) dengan Bayerische Landesbank (BayernLB) di London.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. berkata, ia bagi membiayai semula kepentingan 80 peratus dalam dua syarikat tenaga boleh diperbaharui (RE) yang didaftarkan di United Kingdom (UK) iaitu GVO Wind Ltd. dan Bluemerang Capital Ltd. yang telah diperoleh pada 28 Februari 2018.

Beliau menyifatkan selesainya pelaksanaan proses pembiayaan semula itu sebagai pencapaian

bersejarah bagi TNB.

“Pelaksanaan pembiayaan semula adalah langkah penting untuk TNB bagi membolehkan kami terus mengembangkan operasi RE di bawah strategi *Reimagining* Tenaga dan meletakkan syarikat sebagai satu daripada pemain utiliti global pada 2025.

“TNB berbangga mempunyai BayernLB sebagai rakan kerjasama dalam urusan niaga ini dan mengalukan lebih banyak pelaburan dalam sektor RE,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pelaksanaan proses pembiayaan semula itu adalah pembiayaan semula pengambilalihan pertama TNB di luar negara yang telah dilaksanakan melalui anak syarikat milik penuh.

Ia juga merupakan pembia-



AZMAN MOHD.

yaan terbesar di UK bagi operasi Tarif Galakan (FiT) berskala sederhana portfolio turbin angin di daratan setakat ini.

Pengarah Kanan Projek Kewangan BayernLB, Karin Schramm berkata, pihaknya gembira untuk bekerjasama dengan TNB dalam membiayai portfolio turbin angin skala tunggal terbesar di UK.

“Menerusi urusan niaga ini, bank menyokong strategi TNB untuk meningkatkan pelaburan syarikat utiliti itu dalam segmen RE dan aset alam sekitar yang lain,” jelasnya.

Gabungan portfolio GVO Wind dan Bluemerang Capital merupakan portfolio projek penjanaan angin FiT yang terbesar di UK terdiri daripada 53 turbin angin sederhana dengan jumlah gabungan kapasiti sebanyak 26.1 megawatt (mW).